

BAB IV

ANALISIS KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Kajian ini memfokuskan tentang federalisme fiskal di Malaysia dan ia dapat digambarkan dengan jelas berdasarkan analisis secara deskriptif dan analitikal terhadap:

- i. latar belakang sosio-ekonomi Johor dan Kedah;
- ii. komposisi dan trend fiskal Johor dan Kedah;
- iii. jurang fiskal Johor dan Kedah; dan
- iv. keseimbangan fiskal Johor dan Kedah.

Kajian ini turut memberi penekanan kepada analisis siri masa bagi tahun 1995 hingga 2001. Ia bertujuan untuk menganalisis komposisi dan trend fiskal yang meliputi aktiviti mengutip hasil, berbelanja dan kedudukan defisit Kerajaan Negeri. Selain itu, bab ini juga memberi perhatian kepada peruntukan Kerajaan Persekutuan yang dianalisis menggunakan teori koefisien keseimbangan menegak yang diutarakan oleh Hunter (1977).

4.2 LATAR BELAKANG SOSIO-EKONOMI JOHOR DAN KEDAH

Johor merupakan negeri di selatan Semenanjung Malaysia yang mempunyai keluasan 18 986 kilometer per segi (km^2). Negeri yang bersempadan dengan Singapura ini dibahagikan kepada 8 buah daerah iaitu Batu Pahat, Johor Bahru, Kluang, Kota Tinggi, Mersing, Muar, Pontian dan Segamat. Dengan keluasan ini, penduduk Johor telah mencecah 2.826 juta orang pada tahun 2001 berbanding 2.443 juta orang pada tahun 1995. Pertumbuhan penduduk Johor ini adalah statik pada kadar 2.3 peratus sejak akhir Rancangan Malaysia Keenam (RME: 1990-1995) hingga Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT: 1996-2000).

Negeri Kedah pula terletak di utara Semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan Thailand. Kawasannya meliputi 9426 km^2 (2.8 peratus daripada keluasan Malaysia) dan merangkumi 11 buah daerah iaitu Baling, Bandar Baharu, Kota Setar, Kuala Muda, Kubang Pasu, Kulim, Pulau Langkawi, Padang Terap, Pendang, Sik dan Yan. Penduduknya adalah seramai 1.482 juta orang pada tahun 1995 dan kemudian meningkat sehingga 1.707 juta orang pada tahun 2001. Peratus perubahan penduduk Kedah dilaporkan meningkat secara mendadak pada kadar 6.5 peratus pada tahun 2001 berbanding kadar yang statik sebanyak 1.6 peratus sejak tahun 1995 hingga tahun 2000.

Dari sudut sosio-ekonomi, dua buah Kerajaan Negeri ini menunjukkan ketidaksamaan yang ketara. Sejak RME hingga RMT, KDNK Johor telah

berkembang daripada RM13 818 juta pada tahun 1995 kepada RM21 390 juta pada tahun 2000. Kadar pertumbuhan tahunan purata KDNK ini adalah tinggi daripada purata negara iaitu 10.0 peratus setahun berbanding 8.7 peratus semasa RME dan 9.1 peratus berbanding 8.0 peratus setahun semasa RMT. KDNK per kapita Johor pula adalah sebanyak RM5654 pada tahun 1995 dan kemudiannya meningkat kepada RM7831 pada tahun 2000. Walaupun kadar pertumbuhan tahunan purata KDNK per kapita Johor ini statik pada kadar 6.7 peratus sejak RME, nisbah KDNK per kapita Johor sebenarnya berada di antara lima negeri yang tertinggi¹ di Malaysia iaitu dengan mata 0.92, 0.97 dan 1.03 untuk tahun 1990, 1995 dan 2000 (Rancangan Malaysia Ketujuh 1996).

KDNK Negeri Kedah pula adalah sebanyak RM5618 juta pada tahun 1995 dan RM8705 juta pada tahun 2000. Secara purata, KDNK Kedah adalah 2.5 kali ganda kurang daripada KDNK Johor. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan KDNK Kedah masih lagi tinggi daripada purata negara iaitu 9.9 peratus berbanding 8.7 peratus semasa RME dan 9.2 peratus berbanding 8.0 peratus semasa RMT. KDNK per kapita Negeri Kedah pula mencatat pertumbuhan sehingga RM5423 pada tahun 2000 berbanding RM3791 pada tahun 1995. Semasa RMT pertumbuhan KDNK per kapita Kedah mengalami penyusutan sebanyak 0.3 peratus daripada 7.7 peratus semasa RME. Kadar pertumbuhan KDNK per kapita Kedah ini adalah lebih tinggi daripada Johor. Secara keseluruhan, kedudukan nisbah KDNK per kapita Kedah berada di antara tiga

¹ Nisbah KDNK per kapita tertinggi bagi tahun 1990-2000 termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Terengganu, Selangor, Pulau Pinang dan Johor.

negeri yang terendah di Malaysia (termasuk Perlis dan Kelantan) dengan mata 0.59 (1990), 0.65 (1995) dan 0.71 (2000).

Pertumbuhan ekonomi dua negeri ini sebenarnya telah digerakkan oleh aktiviti pelbagai sektor termasuk sektor pembuatan, pembinaan dan pertanian. Bagi Johor, pertumbuhan KDNK yang baik telah dirangsang oleh perkembangan sektor pembuatan iaitu di antara 11.8 peratus hingga 16.2 peratus semasa RME. Pada tahun 1995, sektor pembuatan khususnya industri elektrik dan elektronik, perabot, perusahaan makanan dan logam telah mengeluarkan hasil sebanyak RM34.66 juta. Sektor perlombongan pula telah menyumbang hasil sebanyak RM13.2 juta pada tahun yang sama. Dengan peningkatan aktiviti kuari di Johor, sektor pembinaan turut berkembang pesat sekaligus mengimbangi kemerosotan prestasi sektor perlombongan. Sehingga tahun 1995, sektor pembinaan di Johor telah mencatat hasil sebanyak RM2.9 juta.

Selain itu, ekonomi Johor juga dirangsang oleh prestasi yang baik dalam sektor pertanian menerusi pengeluaran hasil komoditi seperti getah dan kelapa sawit. Setakat ini, Johor masih mengekalkan pertumbuhan sektor pertanian pada kadar 2.4 peratus setahun. Bagi mengekalkan pertumbuhan di sektor ini, hasil pengeluaran minyak sawit dipastikan dapat mengimbangi pengeluaran getah yang semakin merosot. Pada akhir RME, getah dan kelapa sawit telah mengeluarkan hasil masing-masing sebanyak 0.17 juta tan metrik dan 1.85 juta tan metrik (Bank Data Negeri/Daerah 1996).

KDNK Kedah pula dipengaruhi oleh sektor perlombongan dan pertanian (khususnya padi) dengan keluaran masing-masing sebanyak RM4.27 juta dan 0.94 juta tan metrik pada tahun 1995 (Unit Perancangan Ekonomi Negeri Kedah 1996). Walau bagaimanapun, akhir-akhir ini konsentrasi ekonomi Kedah telah beralih daripada sektor pertama² kepada sektor kedua³ dan ketiga⁴. Pada tahun 1995, sektor kedua khususnya sektor pembuatan telah mengeluarkan hasil sebanyak RM7.7 juta. Pertumbuhan pesat sektor pembuatan di Kedah khususnya di Sungai Petani dan Kulim sebenarnya dipengaruhi oleh kesan limpahan aktiviti pembuatan di Pulau Pinang (Rancangan Malaysia Ketujuh 1996). Secara keseluruhan, peralihan ini telah menyebabkan jumlah nilai ditambah Negeri Kedah telah meningkat daripada 68.1 peratus pada tahun 1995 kepada 79.7 peratus pada tahun 2000.

Kepesatan sektor pembuatan yang berlaku hampir di semua negeri telah membolehkan lebih 1.2 juta tenaga buruh baru berjaya ditarik semasa RME⁵. Di Johor, gunatenaganya dilaporkan mencapai 67.6 peratus dan angka ini telah menyumbang kepada peningkatan pendapatan bulanan purata isirumah pada tahun 1995 iaitu sebanyak RM2111. Di Kedah pula, penglibatan 62.7 peratus gunatenaga telah menyumbang kepada RM1287 pendapatan bulanan purata

² Sektor pertama terdiri daripada sektor pertanian, perhutanan dan perikanan serta perlombongan dan kuari.

³ Sektor kedua terdiri daripada sektor pembuatan dan pembinaan.

⁴ Sektor ketiga terdiri daripada sektor kemudahan awam; perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran; pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi; kewangan, hartanah dan perkhidmatan perniagaan; perkhidmatan Kerajaan; dan perkhidmatan lain.

⁵ Jumlah 1.2 juta pekerjaan baru disumbangkan lebih separuh oleh sektor pembuatan kebanyakannya diwujudkan di Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Selangor. Manakala sektor pembinaan pula menyumbangkan kira-kira satu per lima daripada jumlah pekerjaan.

isirumah pada tahun yang sama (Jadual 4.1). Kualiti hidup penduduk di Johor dan Kedah juga bertambah baik hasil daripada usaha berterusan Kerajaan Negeri menyediakan dan meningkatkan pelbagai kemudahan infrastruktur fizikal dan sosial. Keadaan ini digambarkan oleh petunjuk sosio-ekonomi yang meliputi kadar kematian bayi, bilangan doktor bagi setiap 1000 penduduk, kadar celik huruf, liputan bekalan air paip dan elektrik seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.1. Secara keseluruhan, aspek kualiti hidup, KDNK dan KDNK per kapita signifikan untuk mengukur tahap pembangunan sosio-ekonomi antara Negeri Johor dengan Kedah. Tahap pembangunan ini diukur dengan menggunakan indeks komposit pembangunan. Berdasarkan RMT,

“Indeks komposit pembangunan merujuk kepada purata pencapaian 15 petunjuk sosio-ekonomi terpilih. Petunjuk-petunjuk ini termasuklah KDNK per kapita, gunatenaga, kadar pengangguran, kadar pembandaran, pendapatan bulanan purata isirumah, bilangan kereta dan motorsikal berdaftar setiap 1000 penduduk, bilangan telefon setiap 1000 penduduk, kadar celik huruf, bilangan lesen televisyen setiap 1000 penduduk, kadar kemiskinan, kadar penduduk mendapat bekalan air paip, kadar penduduk mendapat bekalan elektrik, bilangan doktor setiap 1000 penduduk, kadar kematian bayi dan jalan bertar setiap 10 kilometer per segi.”

(Rancangan Malaysia Ketujuh 1996)

Jadual 4.1

Petunjuk Sosio-Ekonomi Terpilih Negeri Johor dan Kedah Bagi Tahun 1995

PETUNJUK SOSIO-EKONOMI	JOHOR	KEDAH	PURATA ¹
Keluaran dalam negeri kasar (KDNK) per kapita	5,654	3,791	5,277.6
Pendapatan bulanan purata isirumah (RM)	2,111	1,287	1,692.2
Bilangan gunatenaga	982.2	529.6	561.2
Kadar pembandaran	51.8	36.9	47.9
Kadar celik huruf	92.6	88.3	89.2
Bilangan doktor setiap 1000 penduduk	4.1	3.4	4.2
Kadar kematian bayi	7.6	10.0	11.2
Kadar kemudahan air	93.2	85.4	88.2
Kadar kemudahan elektrik	100.0	100.0	96.8
Kereta dan motorsikal berdaftar bagi 1000 penduduk	432.9	269.7	318.6
Kadar kemiskinan	7.6	21.3	9.6
Kadar pengangguran	2.0	2.2	3.0
Telefon setiap 1000 penduduk	184.3	118.0	145.6
Lesen Televisyen setiap 1000 penduduk	134.3	96.1	106.3
Jalan bertar setiap 10 kilometer per segi	2.9	3.6	5.9

Nota: ¹ Purata petunjuk sosio-ekonomi terpilih ini merangkumi tiga belas negeri di Malaysia
 Sumber: Ubahsuai Bank Data Negeri/Daerah Malaysia (1996); Statistik Pembangunan
 Kedah Darul Aman (1996) dan Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000.

Jadual 4.2

Indeks Komposit Pembangunan Negeri Johor dan Kedah Bagi Tahun 1995

PETUNJUK SOSIO-EKONOMI	JOHOR	KEDAH	PURATA ¹
Keluaran dalam negeri kasar (KDNK) per kapita	1.1	0.7	1.0
Pendapatan bulanan purata isirumah (RM)	1.2	0.8	1.0
Bilangan gunatenaga	1.8	0.9	1.0
Kadar pembandaran	1.1	0.8	1.0
Kadar celik huruf	1.0	1.0	1.0
Bilangan doktor setiap 1000 penduduk	1.0	0.8	1.0
Kadar kematian bayi	0.7	0.9	1.0
Kadar kemudahan air	1.1	1.0	1.0
Kadar kemudahan elektrik	1.0	1.0	1.0
Kereta dan motorsikal berdaftar bagi 1000 penduduk	1.4	0.8	1.0
Kadar kemiskinan	0.8	2.2	1.0
Kadar pengangguran	0.7	0.7	1.0
Telefon setiap 1000 penduduk	1.3	0.8	1.0
Lesen Televisyen setiap 1000 penduduk	1.3	0.9	1.0
Jalan bertar setiap 10 kilometer per segi	0.5	0.6	1.0

Nota: ¹ Purata petunjuk sosio-ekonomi terpilih ini merangkumi tiga belas negeri di Malaysia
 Sumber: Pengiraan daripada Jadual 4.1

Menerusi Jadual 4.1 dan 4.2, tahap pembangunan sosio-ekonomi di Negeri Johor dan Kedah dapat dirumuskan seperti di Jadual 4.3 di bawah.

Jadual 4.3
Kedudukan Negeri Berdasarkan Indeks
Komposit Pembangunan

Indeks Komposit Pembangunan	
Johor	1.1
Semua Negeri	1.0
Kedah	0.9

Sumber: Pengiraan daripada Jadual 4.2

Berdasarkan kepada indeks komposit pembangunan di atas, Johor dikategorikan sebagai negeri maju kerana nilai indeksnya lebih tinggi daripada purata semua negeri iaitu 1.1 mata berbanding 1.0 mata. Kedah pula masih dikelaskan sebagai negeri kurang maju memandangkan kedudukan mata 0.9 berada di bawah purata semua negeri. Jika dilihat kepada kajian Umikalsum (1991), sejak tahun 1971-1987 Negeri Johor sudah mengatasi paras indeks semua negeri dengan mata 1.03, sementara Negeri Kedah pula berada di bawah purata indeks semua negeri dengan 0.85 mata di bawah Perlis (0.98), Terengganu (0.95) dan Pahang (0.95). Walaupun kedua-dua buah negeri ini masih mengekalkan kedudukan indeks komposit masing-masing, sekurang-kurangnya Johor dan Kedah telah berjaya meningkatkan mata indeks masing-masing sebanyak 0.07 mata dan 0.05 mata dalam tempoh lebih dua dekad.

4.3 KOMPOSISI DAN TREND FISKAL JOHOR DAN KEDAH

Bermula dari tahun 1995 hingga 2001, Negeri Johor dan Kedah menunjukkan keupayaan dan aliran fiskal yang berbeza. Oleh itu, perbezaan ini akan dianalisis berdasarkan komposisi dan trend fiskal meliputi hasil dan perbelanjaan awam negeri.

4.3.1 Analisis Hasil

Dalam tempoh tujuh tahun, jumlah hasil yang dikutip oleh Negeri Johor jauh lebih banyak berbanding Negeri Kedah. Berdasarkan Jadual 4.4, kutipan hasil keseluruhan Negeri Johor telah mencapai RM3054.10 juta, sebaliknya kutipan hasil keseluruhan Kedah pula sebanyak RM1261.27 juta. Daripada jumlah ini, nisbah ketidaksamaan hasil antara Johor dan Kedah dianggarkan 1:2.42.

i) Analisis Komposisi Hasil

Berpandukan Jadual 4.4, komposisi hasil terbesar di kedua-dua negeri telah disumbangkan oleh hasil cukai. Bagi tahun 1995 hingga 2001, kadar agihan purata hasil cukai Negeri Johor adalah sebanyak 65.02 peratus iaitu dengan kutipan keseluruhan sebanyak RM1991.30 juta. Sebaliknya, hasil lain seperti hasil bukan cukai dan penerimaan bukan hasil pula mencatat kadar agihan purata masing-masing sebanyak 14.26 peratus dan 20.72 peratus. Manakala

kutipan hasil bukan cukai dan penerimaan bukan hasil keseluruhan pula masing-masing berjumlah RM437.26 juta dan RM625.54 juta. Di Negeri Kedah, kadar agihan purata hasil cukainya mencatat 60.67 peratus dengan kutipan keseluruhan sebanyak RM760.51 juta. Hasil bukan cukai pula mencatat kadar agihan purata sebanyak 19.76 peratus sementara kutipan keseluruhan adalah sebanyak RM244.58 juta. Bagi penerimaan bukan hasil, Negeri Kedah dapat mengutip sebanyak RM256.18 juta iaitu dengan kadar agihan purata sebanyak 19.57 peratus.

Walaupun hasil cukai merupakan pendapatan utama negeri, namun dari segi sumbangan cukai langsung dan cukai tidak langsung, kedua-dua negeri ini menunjukkan perbezaan yang ketara. Sehingga tahun 2001, hasil cukai Negeri Johor banyak disumbangkan oleh kutipan cukai langsung iaitu sebanyak RM1927.23 juta (62.91 peratus agihan purata) meliputi cukai tanah, sewa tanah, cukai hutan, cukai parit dan taliair serta hasil tanah yang lain. Sebaliknya, Negeri Kedah pula banyak menerima hasil dari cukai tidak langsung iaitu dengan kutipan keseluruhan sebanyak RM486.99 juta dan kadar agihan purata sebanyak 38.17 peratus meliputi duti hiburan dan royalti pengeluaran bahan hutan.


ii) Analisis Trend Hasil

Rajah 4.1 pula menunjukkan aliran hasil⁶ Negeri Johor dan Kedah bagi tahun 1995 hingga 2001. Berdasarkan rajah tersebut, hasil Johor didapati lebih tinggi daripada hasil Kedah, tetapi dari segi perubahan naik turun Negeri Kedah mengalami perubahan yang ketara sepanjang tempoh tujuh tahun (Jadual 4.4). Pada tahun 1996, Kedah mengalami peningkatan hasil sehingga 70.61 peratus berbanding tahun sebelumnya. Angka ini juga merupakan kutipan tertinggi yang pernah dibuat oleh Kerajaan Negeri Kedah iaitu dengan jumlah kutipan sebanyak RM245.95 juta. Dalam tempoh yang sama, Negeri Johor pula hanya dapat meningkat hasilnya sebanyak 18.93 peratus sahaja. Semasa tahun 1997, hasil Negeri Kedah mula merosot -20.02 peratus dengan kutipan sebanyak RM196.71 juta, sebaliknya hasil Negeri Johor pula terus meningkat sehingga 19.28 peratus iaitu dengan kutipan tertinggi sebanyak RM527.69 juta.

Tahun-tahun berikutnya menunjukkan bahawa hasil di kedua-dua negeri merosot sehingga tahun 1999. Pada tahun 1998, hasil Negeri Johor mula berkurangan sehingga -18.75 peratus iaitu dengan kutipan sebanyak RM428.73 juta. Angka ini terus merosot pada tahun 1999 dengan kutipan sebanyak RM383.99 juta iaitu menurun pada kadar -10.44 peratus. Hasil Negeri Kedah pula merosot pada kadar -17.35 peratus dengan kutipan hasil sebanyak RM162.59 juta semasa ekonomi Malaysia meleset pada tahun 1998. Sehingga

⁶ Hasil ini adalah dari punca negeri sahaja iaitu tidak termasuk pemberian daripada Kerajaan Persekutuan.

tahun 1999, hasil Negeri Kedah terus merosot pada kadar -14.69 peratus dan merekodkan kutipan paling sedikit dalam tempoh tujuh tahun iaitu sebanyak RM138.70 juta. Pada tahun 2000, kedua-dua buah negeri ini telah mencatat pertumbuhan hasil yang memberangsangkan. Ini berikutan pemulihan ekonomi negara yang turut merangsang ekonomi di peringkat negeri, sebagai contoh Negeri Johor telah mencatatkan pertumbuhan hasil sebanyak 6.64 peratus pada tahun 2000 (dengan kutipan sebanyak RM409.47 juta) dan 19.62 peratus pada tahun 2001 (dengan kutipan sebanyak RM489.82 juta). Negeri Kedah pula merekodkan peningkatan 53.14 peratus pada tahun 2000 dengan kutipan hasil sebanyak RM212.41 juta. Sebaliknya pada tahun 2001, hasil Kedah menurun semula kepada -24.32 peratus dengan kutipan hasil sebanyak RM160.75 juta sahaja (Jadual 4.4).



Sumber: Perbendaharaan Negeri. Ubahsuai Akaun Awam Negeri Johor dan Kedah bagi Tahun 1995 Hingga 2001

Jadual 4.4
Hasil Dari Punca Negeri Johor dan Negeri Kedah Bagi Tahun 1995 Hingga 2001

RM (JUTA)	1995	1996	1997	1998	1999	2000	2001	Jumlah	Purata
JOHOR									
Hasil Cukai	213.42	244.05	377.24	279.84	268.92	291.69	316.14	1,991.30	284.47
<i>Cukai Langsung</i>	205.59	234.44	367.06	266.38	261.43	284.19	308.14	1,927.23	275.32
<i>Cukai Tidak Langsung</i>	7.83	9.61	10.18	13.46	7.49	7.50	8.00	64.07	9.15
Hasil Bukan Cukai	54.81	89.15	85.44	75.80	47.22	36.54	48.30	437.26	62.47
Penerimaan Bukan Hasil ¹	103.76	109.21	65.01	73.09	67.85	81.24	125.38	625.54	89.36
Jumlah	371.99	442.41	527.69	428.73	383.99	409.47	489.82	3,054.10	436.30
KEDAH									
Hasil Cukai	99.29	139.83	95.68	89.89	85.32	147.31	103.19	760.51	108.64
<i>Cukai Langsung</i>	30.65	34.07	40.07	40.16	38.01	42.39	48.18	273.53	39.08
<i>Cukai Tidak Langsung</i>	68.65	105.76	55.61	49.73	47.31	104.92	55.01	486.99	69.57
Hasil Bukan Cukai	33.02	41.25	41.83	22.62	34.24	38.31	33.31	244.58	34.94
Penerimaan Bukan Hasil ¹	11.85	64.87	59.20	50.08	19.14	26.79	24.25	256.18	36.60
Jumlah	144.16	245.95	196.71	162.59	138.70	212.41	160.75	1,261.27	180.18
PERATUS AGIHAN (%)									
JOHOR									
Hasil Cukai	57.37	55.16	71.49	65.27	70.03	71.24	64.54	455.11	65.02
<i>Cukai Langsung</i>	55.27	52.99	69.56	62.13	68.08	69.40	62.91	440.35	62.91
<i>Cukai Tidak Langsung</i>	2.10	2.17	1.93	3.14	1.95	1.83	1.63	14.76	2.11
Hasil Bukan Cukai	14.73	20.15	16.19	17.68	12.30	8.92	9.86	99.84	14.26
Penerimaan Bukan Hasil ¹	27.89	24.69	12.32	17.05	17.67	19.84	25.60	145.05	20.72
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	700.00	100.00
KEDAH									
Hasil Cukai	68.87	56.85	48.64	55.29	61.51	69.35	64.19	424.71	60.67
<i>Cukai Langsung</i>	21.26	13.85	20.37	24.70	27.40	19.96	29.97	157.52	22.50
<i>Cukai Tidak Langsung</i>	47.62	43.00	28.27	30.59	34.11	49.40	34.22	267.20	38.17
Hasil Bukan Cukai	22.91	16.77	21.26	13.91	24.69	18.04	20.72	138.30	19.76
Penerimaan Bukan Hasil ¹	8.22	26.38	30.10	30.80	13.80	12.61	15.09	136.99	19.57
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	700.00	100.00
PERATUS PERUBAHAN (%)									
JOHOR									
Hasil Cukai	-	14.35	54.57	-25.82	-3.90	8.47	8.38	56.05	9.34
<i>Cukai Langsung</i>	-	14.03	56.57	-27.43	-1.86	8.71	8.43	58.45	9.74
<i>Cukai Tidak Langsung</i>	-	22.73	5.93	32.22	-44.35	0.13	6.67	23.33	3.89
Hasil Bukan Cukai	-	62.65	-4.16	-11.28	-37.70	-22.62	32.18	19.07	3.18
Penerimaan Bukan Hasil ¹	-	5.25	-40.47	12.43	-7.17	19.73	54.33	44.11	7.35
Jumlah	-	18.93	19.28	-18.75	-10.44	6.64	19.62	201.01	33.50
KEDAH									
Hasil Cukai	-	40.83	-31.57	-6.05	-5.08	72.66	-29.95	40.83	6.80
<i>Cukai Langsung</i>	-	11.16	17.61	0.22	-5.35	11.52	13.66	48.82	8.14
<i>Cukai Tidak Langsung</i>	-	54.06	-47.42	-10.57	-4.87	121.77	-47.57	65.40	10.90
Hasil Bukan Cukai	-	24.92	1.41	-45.92	51.37	11.89	-13.05	30.61	5.10
Penerimaan Bukan Hasil ¹	-	447.43	-8.74	-15.41	-61.78	39.97	-9.48	391.99	65.33
Jumlah	-	70.61	-20.02	-17.35	-14.69	53.14	-24.32	47.37	7.90

Nota: ¹ Tidak termasuk pemberian Kerajaan Pusat

Sumber: Perbendaharaan Negeri. Ubahsuaikan Akaun Awam Negeri Johor dan Kedah bagi Tahun 1995 Hingga 2001

Secara keseluruhan, penurunan hasil Negeri Johor untuk tempoh dua tahun (1998 dan 1999) adalah disebabkan oleh kemerosotan kutipan hasil cukai langsung dan hasil bukan cukai yang mencatat penyusutan purata masing-masing sebanyak -14.65 peratus dan -24.49 peratus. Kemerosotan hasil Negeri Kedah untuk tempoh empat tahun (1997, 1998, 1999 dan 2001) pula disebabkan oleh kejatuhan jumlah kutipan hasil utama iaitu cukai tidak langsung dengan penyusutan purata sebanyak -27.61 peratus dan penerimaan bukan hasil dengan penyusutan purata sebanyak -23.85 peratus.

4.3.2 Analisis Perbelanjaan

Dari sudut perbelanjaan awam negeri, Negeri Johor telah membelanjakan sebanyak RM4793.26 juta mengatasi perbelanjaan yang dibuat oleh Negeri Kedah iaitu sebanyak RM2404.37 juta (Jadual 4.5). Dalam masa tujuh tahun, nisbah ketidaksamaan perbelanjaan awam antara Johor dengan Kedah dianggarkan sebanyak 1:1.99.

i) Analisis Komposisi Perbelanjaan

Berdasarkan Jadual 4.5, perbelanjaan awam yang paling banyak dibuat oleh dua negeri ini adalah belanja mengurus. Sejak tahun 1995 hingga 2001, kadar agihan purata belanja mengurus purata Negeri Johor adalah sebanyak 78.09 peratus berbanding belanja pembangunan yang mencatat kadar agihan purata

sebanyak 21.91 peratus. Di Kedah pula, kadar purata agihan perbelanjaan mengurusnya berjumlah 65.85 peratus, sementara perbelanjaan pembangunan pula mencatat kadar agihan purata sebanyak 34.15 peratus dalam tempoh tujuh tahun. Sehingga tahun 2001, perbelanjaan mengurus Johor pernah mencatat angka tertinggi sebanyak RM627.42 juta pada tahun 2001, sementara Negeri Kedah pula telah berbelanja sehingga RM260.05 juta pada tahun 1996. Dalam masa tujuh tahun tersebut, belanja mengurus di dua buah Kerajaan Negeri ini didapati lebih banyak dibebankan oleh pembayaran gaji dan emolumen kakitangan berbanding belanja lain seperti bayaran pindahan, bayaran hutang kerajaan, belanja perkhidmatan dan bekalan, belanja harta modal serta belanja mengurus lain.

Merujuk kepada kadar agihan perbelanjaan pula, dua negeri ini menunjukkan tumpuan yang berbeza dalam pelaksanaan perbelanjaan awam. Sejak krisis ekonomi melanda negara pada tahun 1997, perbelanjaan mengurus Johor mula merosot dan pada masa yang sama Kerajaan Negeri ini mula menumpukan perhatian kepada perbelanjaan pembangunan. Keadaan ini boleh dilihat daripada kadar agihan perbelanjaan mengurus Johor pada tahun 1995 hingga 1997 yang melebihi 80 peratus. Manakala pada tahun 1998 hingga 2001, perbelanjaan mengurus mula merosot sekitar 70 peratus. Berbeza dengan perbelanjaan pembangunan, kadar agihannya adalah kurang daripada 18 peratus pada tiga tahun pertama (bermula pada 1995). Sebaliknya, bermula tahun 1998 hingga 2001, perbelanjaan pembangunan telah meningkat melebihi


20 peratus. Kemerosotan peratus agihan belanja mengurus ini sebenarnya disebabkan oleh penyusutan yang banyak dalam bayaran hutang kerajaan (antara -12 peratus hingga -44 peratus) dan belanja pemilikan harta modal iaitu antara -24 peratus hingga -49 peratus untuk empat tahun terakhir tersebut. Bagi Negeri Kedah, tanggungjawab berbelanja masih lagi ditumpukan kepada belanja mengurus dan tumpuan ini berterusan sehingga tahun 2001.

ii) Analisis Trend Perbelanjaan

Dari segi perubahan turun naik, perbelanjaan awam Negeri Johor mengalami peningkatan sejak tahun 1995 hingga tahun 1997 dengan perubahan ketara sebanyak 27 peratus pada tahun 1996. Walau bagaimanapun, penyusutan belanja mengurus yang banyak pada tahun 1998 menyebabkan perbelanjaan awam negeri merosot sehingga -10.25 peratus. Pada tahun-tahun berikutnya, perbelanjaan awam Negeri Johor meningkat semula dengan perubahan ketara sebanyak 17.15 peratus pada tahun 2000 berbanding tahun 1999 dan 2001 di mana masing-masing hanya meningkat 2.4 peratus dan 3.9 peratus sahaja.

Perbelanjaan awam Negeri Kedah pula merosot sejak tahun 1995 hingga 2001 kecuali pada tahun 2000. Peratus kemerosotan perbelanjaan awam paling sedikit adalah pada tahun 1996 iaitu sebanyak -0.83 peratus. Sebaliknya semasa ekonomi negara merudum pada tahun 1998, perbelanjaan awam Negeri Kedah mengalami penyusutan paling banyak iaitu pada kadar -14.11 peratus.

Selepas ekonomi negara pulih pada tahun 2000, perbelanjaan awam Negeri Kedah mengalami peningkatan mendadak sehingga 19.73 peratus berbanding tahun sebelumnya (Jadual 4.5 dan Rajah 4.2).



Sumber: Perbendaharaan Negeri. Ubahsuai Akaun Awam Negeri Johor dan Kedah bagi Tahun 1995 Hingga 2001

Secara keseluruhan, dalam jangka masa tujuh tahun, perbelanjaan awam Negeri Johor hanya mengalami kemerosotan perbelanjaan yang ketara sebanyak sekali sahaja iaitu pada tahun 1998. Kemerosotan ini adalah disebabkan oleh pengurangan belanja mengurus yang banyak iaitu sehingga -16.51 peratus. Walau bagaimanapun, perubahan perbelanjaan awam secara keseluruhan menunjukkan Negeri Johor mengalami lebih banyak peningkatan berbanding penurunan sehingga mencatat pertumbuhan sebanyak 121.55

Jadual 4.5
Perbelanjaan Negeri Johor dan Negeri Kedah Bagi Tahun 1995 Hingga 2001

RM (JUTA)	1995	1996	1997	1998	1999	2000	2001	Jumlah	Purata
JOHOR									
Belanja Mengurus	430.61	546.99	599.10	500.21	468.59	560.97	627.42	3,733.89	533.41
Belanja Pembangunan	92.87	117.85	120.01	145.19	192.57	213.58	177.30	1,059.37	151.34
Jumlah	523.48	664.84	719.11	645.40	661.16	774.55	804.72	4,793.26	684.75
KEDAH									
Perbelanjaan Mengurus	222.15	260.05	243.08	191.87	187.13	246.61	233.08	1,583.97	226.28
Perbelanjaan Pembangunan	159.21	118.14	105.99	107.93	107.48	106.14	115.51	820.40	117.20
Jumlah	381.36	378.19	349.07	299.80	294.61	352.75	348.59	2,404.37	343.48
PERATUS AGIHAN (%)									
JOHOR									
Perbelanjaan Mengurus	82.26	82.27	83.31	77.50	70.87	72.43	77.97	546.61	78.09
Perbelanjaan Pembangunan	17.74	17.73	16.69	22.50	29.13	27.57	22.03	153.39	21.91
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	700.00	100.00
KEDAH									
Perbelanjaan Mengurus	58.25	68.76	69.64	64.00	63.52	69.91	66.86	460.94	65.85
Perbelanjaan Pembangunan	41.75	31.24	30.36	36.00	36.48	30.09	33.14	239.06	34.15
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	700.00	100.00
PERATUS PERUBAHAN (%)									
JOHOR									
Perbelanjaan Mengurus	-	27.03	9.53	-16.51	-6.32	19.71	11.85	45.29	7.55
Perbelanjaan Pembangunan	-	26.90	1.83	20.98	32.63	10.91	-16.99	76.27	12.71
Jumlah	-	27.00	8.16	-10.25	2.44	17.15	3.90	121.55	20.26
KEDAH									
Perbelanjaan Mengurus	-	17.06	-6.53	-21.07	-2.47	31.79	-5.49	13.30	2.22
Perbelanjaan Pembangunan	-	-25.80	-10.28	1.83	-0.42	-1.25	8.83	-27.09	-4.51
Jumlah	-	-0.83	-7.70	-14.11	-1.73	19.73	-1.18	-13.79	-2.30

Sumber: Perbendaharaan Negeri. Ubahsuai Akaun Awam Negeri Johor dan Kedah bagi Tahun 1995 Hingga 2001

peratus iaitu pada kadar perubahan purata sebanyak 20.26 peratus. Negeri Kedah pula mencatat perubahan perbelanjaan awam yang menurun sebanyak lima kali iaitu pada tahun 1996, 1997, 1998, 1999 dan 2001. Kurangnya penumpuan terhadap perbelanjaan pembangunan keseluruhan sehingga -27.09 peratus menyebabkan perbelanjaan awam keseluruhan Negeri Kedah merosot sebanyak -13.79 peratus selama tujuh tahun di mana kadar perubahan puratanya adalah sebanyak -2.30 peratus.

4.4 JURANG FISKAL JOHOR DAN KEDAH

Berdasarkan analisis siri masa pada tahun 1995 hingga 2001, Negeri Johor dan Kedah terus berdepan dengan bajet yang defisit. Dengan perolehan hasil yang sedikit dan terhad, perbelanjaan awam negeri tidak dapat ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Sebelum ini, hasil dari punca negeri hanya mampu menampung perbelanjaan mengurus sahaja. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah kerajaan yang optimal, perbelanjaan pembangunan juga perlu dilaksanakan untuk membangunkan negeri dan menjamin kebajikan rakyat.

Berdasarkan Jadual 4.6, Negeri Johor mengalami jurang fiskal yang lebih besar berbanding Negeri Kedah. Sehingga tahun 2001, defisit purata Negeri Johor telah mencecah RM248.45 juta, sebaliknya defisit Negeri Kedah hanya mencatat RM163.30 juta. Daripada angka ini, nisbah ketidaksamaan defisit dianggarkan sebanyak 1:1.52.

Jika dilihat pada Rajah 4.3, defisit Kedah mengalami perubahan naik turun yang ketara. Pada tahun 1995, Kedah telah mencatat defisit tertinggi sebanyak RM237.20 juta, manakala pada tahun berikutnya, kedudukan defisit Kedah adalah yang paling rendah iaitu sebanyak RM132.24 juta. Selepas tahun 1996, kedudukan defisit Kedah adalah statik di antara RM130 juta hingga RM187 juta. Berbeza dengan kedudukan defisit Johor, ia mengalami naik turun yang ketara (lihat Rajah 4.3). Dengan perubahan yang tidak menentu, Johor pernah mencatat defisit tertinggi sebanyak RM365.08 juta pada tahun 2000 dan defisit terendah sebanyak RM151.49 juta pada tahun 1995.

Sepanjang perubahan defisit dari tahun ke tahun, Negeri Johor pernah mengalami dua kali penurunan iaitu sebanyak -13.94 peratus pada tahun 1997 dan -13.74 peratus pada tahun 2001. Penurunan kadar perubahan defisit ini adalah disebabkan oleh peningkatan kadar perubahan kutipan hasil mengatasi peningkatan dalam perbelanjaan awam. Pada tahun 1997, hasil Negeri Johor telah meningkat sehingga 19.28 peratus sebaliknya perbelanjaan awamnya hanya meningkat sebanyak 8.16 peratus berbanding tahun sebelumnya. Bagi tahun 2001 pula, hasil negeri meningkat sehingga 19.62 peratus mengatasi kadar peningkatan perbelanjaan awam sebanyak 3.90 peratus.


Negeri Kedah pula telah mengalami tiga kali penyusutan kadar defisit iaitu pada tahun 1996, 1998 dan 2000. Pada tahun 1996, kadar perubahan defisit Kedah merosot sehingga -44.25 peratus berbanding tahun 1995. Penurunan ini

adalah disebabkan oleh kenaikan kadar perubahan hasil sehingga 70.61 peratus manakala perubahan perbelanjaan pula merosot pada kadar -0.83 peratus. Semasa kemelesetan ekonomi pada tahun 1998, defisit Kedah berkurangan pada kadar -9.94 peratus. Kejatuhan defisit ini adalah kesan daripada kurangnya aktiviti berbelanja sehingga -14.11 peratus oleh Kerajaan Negeri memandangkan kutipan hasil telah merosot pada kadar -17.35 peratus. Tahun 2000 pula menunjukkan kedudukan defisit Negeri Kedah berkurangan sehingga -9.99 peratus. Kedudukan ini dipengaruhi oleh kenaikan yang banyak dalam hasil iaitu mencecah 53.14 peratus sementara perbelanjaan awam negeri hanya berubah sebanyak 19.73 peratus sahaja (rujuk Jadual 4.4, Jadual 4.5 dan Jadual 4.6).

Jadual 4.6
Kewangan Kerajaan Negeri Johor dan Negeri Kedah Bagi Tahun 1995 Hingga 2001

RM (JUTA)	1995	1996	1997	1998	1999	2000	2001	Jumlah	Purata
JOHOR									
Hasil	371.99	442.41	527.69	428.73	383.99	409.47	489.82	3,054.10	436.30
Perbelanjaan	523.48	664.84	719.11	645.40	661.16	774.55	804.72	4,793.26	684.75
Lebih (+)/Defisit (-)	-151.49	-222.43	-191.42	-216.67	-277.17	-365.08	-314.90	-1,739.16	-248.45
Pemberian	58.63	104.58	71.41	71.48	84.60	151.50	137.60	679.80	97.11
Pinjaman	1,148.12	1,067.28	1,095.60	987.41	992.99	955.82	946.97	7,194.19	1,027.74
Jumlah	1,055.26	949.43	975.59	842.22	800.42	742.24	769.67	6,134.83	876.40
KEDAH									
Hasil	144.16	245.95	196.71	162.59	138.70	212.41	160.75	1,261.27	180.18
Perbelanjaan	381.36	378.19	349.07	299.80	294.61	352.75	348.59	2,404.37	343.48
Lebih (+)/Defisit (-)	-237.20	-132.24	-152.36	-137.21	-155.91	-140.34	-187.84	-1,143.10	-163.30
Pemberian	54.99	45.71	54.46	57.28	48.42	54.17	53.08	368.06	52.58
Pinjaman	7.31	19.14	38.81	50.97	53.86	41.67	10.60	222.36	31.77
Jumlah	-174.90	-67.39	-59.09	-28.96	-53.63	-44.50	-124.16	-552.68	-78.95

Sumber: Perbendaharaan Negeri. Ubahsuai Akaun Awam Negeri Johor dan Kedah bagi Tahun 1995 Hingga 2001



Sumber: Perbendaharaan Negeri. Ubahsuai Akaun Awam Negeri Johor dan Kedah bagi Tahun 1995 Hingga 2001

Secara keseluruhan, kadar perubahan purata defisit Negeri Kedah telah mencatat -0.2 peratus lebih rendah daripada kadar perubahan purata defisit Johor yang dianggarkan mencecah 15.3 peratus. Berdasarkan trend defisit di dua buah negeri ini, dapat disimpulkan bahawa penyusutan kadar perubahan defisit berlaku apabila hasil meningkat melebihi kadar peningkatan perbelanjaan atau kemerosotan perbelanjaan negeri mengatasi kadar kemerosotan hasil. Maka jika berlaku sebaliknya, bermakna dua buah negeri ini akan mengalami perubahan defisit yang meningkat.

4.5 KESEIMBANGAN FISKAL JOHOR DAN KEDAH

Daripada analisis sebelum ini, didapati setiap peringkat kerajaan mengalami jurang atau ketidakseimbangan fiskal. Ketidakseimbangan ini berlaku apabila keperluan perbelanjaan mengatasi keupayaan hasil. Jadual 4.7 menunjukkan anggaran ketidakseimbangan fiskal yang berlaku di semua peringkat kerajaan.

Jadual 4.7
Ketidakseimbangan Menegak di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri (Johor dan Kedah)

	<u>Hasil¹</u>	<u>Belanja²</u>	<u>Kurangan/Lebihan³</u>
Kerajaan Persekutuan	99.0	98.5	0.5
Negeri Johor	0.7	1.0	-0.3
Negeri Kedah	0.3	0.5	-0.2
Jumlah	100.0	100.0	0.0

Nota: ¹ Peratus hasil setiap kerajaan per hasil keseluruhan bagi tahun 1995-2001

² Peratus belanja setiap kerajaan per belanja keseluruhan bagi tahun 1995-2001

³ Peratus kurangan/lebihan bagi tempoh 1995-2001

Sumber: Pengiraan daripada Jadual 3.12 dan Jadual 4.6

Ketidakseimbangan fiskal lazimnya boleh wujud dalam dua bentuk iaitu ketidakseimbangan menegak dan ketidakseimbangan mendatar. Ketidakseimbangan menegak berlaku apabila hasil yang dipungut tidak sepadan dengan perbelanjaan yang diperlukan antara peringkat kerajaan tertinggi (Kerajaan Persekutuan) dengan kerajaan yang lebih rendah (Kerajaan Negeri). Jika ketidakseimbangan menegak adalah besar, bermakna pembahagian hasil di antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri tidak setimpal dengan pengagihan

fungsi perbelanjaan di antara kedua-dua peringkat kerajaan (Hunter 1977). Berdasarkan Jadual 4.7, hasil Kerajaan Persekutuan (99.0 peratus) melebihi perbelanjaan (98.5 peratus) selama tempoh tujuh tahun. Sebaliknya, hasil dua buah Kerajaan Negeri sebanyak 1.0 peratus secara signifikan menunjukkan ianya kurang daripada keperluan perbelanjaan sebanyak 1.5 peratus. Oleh itu dalam tempoh analisis ini (1995-2001), Kerajaan Persekutuan mengalami lebihan sebanyak 0.5 peratus sementara dua buah Kerajaan Negeri ini mengalami bajet kurangan/defisit sebanyak -0.5 peratus (rujuk Jadual 4.7).

Ketidakseimbangan mendatar pula berlaku apabila jurang hasil dan perbelanjaan di antara negeri ketara berbeza. Berdasarkan Jadual 4.7, ketidakseimbangan mendatar berlaku kerana kedudukan fiskal di antara Negeri Johor dengan Kedah berbeza secara signifikan. Hasil Negeri Johor (0.7 peratus) lebih banyak berbanding hasil yang dapat dikutip oleh Negeri Kedah (0.3 peratus). Perbelanjaan Johor dan Kedah pula telah mencatat jumlah perbelanjaan yang berbeza iaitu masing-masing 1.0 peratus dan 0.5 peratus. Oleh itu, kedudukan defisit antara dua buah negeri ini juga berbeza yang mana Negeri Johor mencatat defisit sebanyak -0.3 mengatasi -0.2 defisit Kedah.

4.5.1 Pindahan Persekutuan

Kedua-dua ketidakseimbangan ini (menegak dan mendatar) dapat dikurangkan dengan memperuntukkan pindahan (pemberian dan pinjaman) Kerajaan

Persekutuan kepada Kerajaan Negeri. Lazimnya peruntukan bagi pemberian dibuat berdasarkan formula dan kaedah yang telah ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan. Sementara pinjaman Negeri pula perlu mendapat kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan.

i) Analisis Pemberian Persekutuan

Berpanduan Jadual 4.6 dan 4.8, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan pemberian yang berbeza kepada Negeri Johor dan Kedah untuk menampung bajet defisit masing-masing. Secara keseluruhan, Negeri Johor menerima pemberian daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM679.80 juta, manakala Negeri Kedah pula menerima RM368.06 juta sahaja. Oleh itu, nisbah ketidaksamaan pemberian yang diterima oleh Johor dan Kedah adalah berbeza sebanyak 1:1.85. Dalam tempoh analisis, pemberian tertinggi Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Johor pernah mencecah RM151.50 juta (2000) sebaliknya Negeri Kedah hanya mencecah RM57.28 juta (1998) sahaja. Pemberian terendah Negeri Johor dan Kedah pula masing-masing mencatat RM58.63 juta (1995) dan RM45.71 juta (1996) (rujuk Jadual 4.8).

Memandangkan pemberian Persekutuan bermanfaat untuk memperbaiki jurang fiskal, maka Pemberian Perkongsian Cukai dijangka berguna untuk mengurangkan ketidakseimbangan menegak. Pemberian Tujuan Umum pula bermanfaat untuk meningkatkan hasil Kerajaan Negeri selain bersifat memperbaiki jurang fiskal secara menegak. Manakala Pemberian Tujuan Khusus

Pemberian Kerajaan Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri Johor dan Kedah bagi Tahun 1995 Hingga 2001

RM (JUTA)	1995	1996	1997	1998	1999	2000	2001	Jumlah Purata
JOHOR								
Pemberian Perkongsian Cukai	-	-	-	-	-	-	-	-
Pemberian Tujuan Umum	39.48	71.66	31.09	30.54	47.03	109.90	93.50	423.20
Pemberian Mengikut Bilangan Orang	23.80	24.50	25.65	26.04	27.14	28.00	29.00	184.13
Pemberian Pertambahan Hasil	4.50	4.50	4.50	4.50	4.50	4.50	4.50	31.50
Lain-Lain	11.18	42.66	0.94	0.00	15.39	77.40	60.00	207.57
Pemberian Tujuan Khusus	19.15	32.92	40.32	40.94	37.57	41.60	44.10	256.60
Pemberian Bayaran Perkhidmatan	1.00	4.00	4.00	3.95	3.00	5.50	4.50	25.95
Pemberian Biaya Belanja Mengurus Jabatan di bawah Senarai Bersama	18.15	18.92	21.32	21.29	22.07	23.50	27.00	152.25
Pemberian Bayaran Balik Kos	0.00	10.00	15.00	15.70	12.50	12.60	12.60	78.40
Jumlah	58.63	104.58	71.41	71.48	84.60	151.50	137.60	679.80
KEDAH								
Pemberian Perkongsian Cukai	-	-	-	-	-	-	-	-
Pemberian Tujuan Umum	40.03	32.93	45.15	39.28	36.05	39.88	36.05	269.37
Pemberian Mengikut Bilangan Orang	15.57	15.91	16.18	16.31	17.00	16.92	17.00	114.89
Pemberian Pertambahan Hasil	3.97	3.96	3.93	3.92	0.00	3.91	0.00	19.69
Pemberian Tahunan Kepada Pihak Berkuasa Tempatan	20.49	13.06	25.04	19.05	19.05	19.05	19.05	134.79
Pemberian Tujuan Khusus	14.96	12.78	9.31	18.00	12.37	14.24	17.03	98.69
Pemberian Bayaran Perkhidmatan	5.87	4.13	0.00	8.17	1.94	3.81	5.60	29.52
Pemberian Biaya Belanja Mengurus Jabatan di bawah Senarai Bersama	8.60	8.47	9.31	9.43	9.63	9.82	10.80	66.06
Pemberian Bayaran Balik Kos	0.49	0.18	0.00	0.40	0.80	0.61	0.63	3.11
Jumlah	54.99	45.71	54.46	57.28	48.42	54.12	53.08	368.06

Sumber: Perbendaharaan Negeri. Akaun Awam Negeri Johor dan Kedah bagi Tahun 1995 Hingga 2001

pula disediakan untuk mencapai objektif keseimbangan mendatar antara negeri di mana fungsi dan penglibatan Kerajaan Persekutuan diharapkan dapat membantu Kerajaan-Kerajaan Negeri bertanggungjawab kepada perbelanjaannya. Berdasarkan Jadual 4.8, kedua-dua negeri tidak menerima Pemberian Perkongsian Cukai memandangkan tiada hasil galian yang dapat dilevi royalti. Oleh itu, kedua-dua negeri hanya menerima Pemberian Tujuan Umum (yang meliputi pemberian mengikut bilangan orang, pemberian pertambahan hasil, dan pemberian tahunan kepada PBT) dan Pemberian Tujuan Khusus (meliputi pemberian bayaran perkhidmatan, pemberian biaya belanja mengurus jabatan di bawah senarai bersama dan pemberian bayaran balik kos). Pemberian Tujuan Umum telah diperuntukkan sebanyak RM423.20 juta kepada Negeri Johor, sementara RM269.37 juta pula diperuntukkan kepada Kedah. Pemberian Tujuan Khusus bagi Negeri Johor adalah sebanyak RM256.60 juta sebaliknya Negeri Kedah pula menerima RM98.69 juta sahaja (rujuk Jadual 4.8).

ii) Analisis Pinjaman Persekutuan

Berdasarkan Jadual 4.6, pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Johor adalah lebih tinggi daripada pinjaman Negeri Kedah. Secara keseluruhan, pinjaman Negeri Johor menjangkau RM7194.19 juta, sebaliknya Negeri Kedah hanya mencatat pinjaman sebanyak RM222.36 juta. Daripada angka ini, nisbah ketidaksamaan pinjaman antara Negeri Johor dengan Kedah dianggarkan sebanyak 1:32.4. Dalam tempoh tujuh tahun, pinjaman tertinggi yang pernah

dibuat oleh Negeri Johor adalah sebanyak RM1148.132 juta (1995) sementara Negeri Kedah pula hanya meminjam sehingga RM53.86 juta sahaja iaitu pada tahun 1999. Sebaliknya, pinjaman terendah yang dibuat oleh Negeri Johor adalah sebanyak RM946.97 juta pada tahun 2001, manakala Negeri Kedah pula mencatat pinjaman terendah sebanyak RM7.31 juta sahaja pada tahun 1995. Daripada angka-angka ini, dapat disimpulkan bahawa Kerajaan Negeri Johor menanggung beban hutang yang lebih besar daripada Kerajaan Kedah dalam usaha untuk membiaya projek-projek negeri.

4.5.2 Keseimbangan Menegak

Jadual 4.6 dan 4.8 menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah pindahan kepada Kerajaan Negeri Johor dan Kedah untuk memperbaiki jurang fiskal. Sejauh mana pemberian dan pinjaman dapat mengatasi masalah ketidakseimbangan fiskal, bergantung kepada anggaran yang dibuat dengan menggunakan teori koefisien keseimbangan menegak Hunter (1977). Dalam kajian ini, koefisien keseimbangan menegak (V) dianggarkan berasaskan kepada dua andaian berikut:

1. pemberian dan pinjaman adalah di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan, sementara Kerajaan Negeri hanya mengawal sumber hasilnya sendiri; dan
2. komponen hasil Kerajaan Negeri mempunyai pemberat yang menggambarkan darjah kawalan kewangan dan kekuatan kuasa di peringkat Negeri.

Persamaan yang digunakan adalah seperti di bawah:

$$V^1 = 1 - \frac{PPK + PTU + PTK + PDB + PPB}{BN} \quad (1)$$

$$V^2 = 1 - \frac{aHN + bPPK + cPTU + dPTK + ePDB + fPPB}{BN} \quad (2)$$

Di mana

BN	=	Perbelanjaan Negeri
HN	=	Hasil dari punca Negeri
PPK	=	Pemberian Perkongsian Cukai
PTU	=	Pemberian Tujuan Umum
PTK	=	Pemberian Tujuan Khusus
PDB	=	Pinjaman Bersih Domestik
PBD	=	Pinjaman Bersih Kerajaan Persekutuan
a...f	=	Nilai pemberat; 0 atau 1 adalah kawalan Negeri atau Kerajaan Persekutuan, meningkat atau menurun sebanyak 0.25i jika terikat atau tidak terikat, jika ditetapkan undang-undang atau mengikut pertimbangan, jika dalam kedudukan yang mempengaruhi amaun dan sebaliknya.

Jadual 4.9
Koefisien Keseimbangan Menegak Johor dan Kedah
Bagi Tahun 1995 Hingga 2001

TAHUN	JOHOR		KEDAH	
	V^1/a	V^2/b	V^1/a	V^2/b
1995	1.31	1.24	0.84	0.92
1996	0.76	0.71	0.83	0.90
1997	0.62	0.57	0.73	0.83
1998	0.64	0.58	0.64	0.74
1999	0.63	0.59	0.65	0.75
2000	0.43	0.38	0.73	0.82
2001	0.35	0.29	0.82	0.90

/a = Hasil dari sumber Negeri = 0; Pemberian Perkongsian Cukai = 1; Pemberian Tujuan Umum = 1; Pemberian Tujuan Khusus = 1; Pinjaman Persekutuan = 1; Pinjaman Domestik = 1

/b = Hasil dari sumber Negeri = 0; Pemberian Perkongsian Cukai = 0.25; Pemberian Mengikut Bilangan Orang = 0.25; Pemberian Pertambahan Hasil (2/3) = 0.75; Pemberian Pertambahan Hasil (1/3) = 0.5; Pemberian Khas = 0.25; Pemberian daripada Kumpulan Wang Simpanan Negeri = 0.5; Pemberian Kepada Pihak Berkuasa Tempatan = 0.5; Pemberian Jalan Negeri = 0.5; Pemberian Pembangunan Ekonomi = 1; Pemberian Bayaran Perkhidmatan = 1; Pemberian Pembiayaan Belanja Mengurus Jabatan di bawah Senarai Bersama = 0.25; Pemberian Bayaran Balik Kos = 1; Pemberian Sekolah Agama dan Institusi = 1; Pinjaman Persekutuan = 1; Pinjaman Domestik = 0.75

Sumber: Pengiraan daripada Jadual 4.6 dan Jadual 4.8

Anggaran koefisien keseimbangan menegak yang diperolehi ditunjukkan dalam Jadual 4.9. Koefisien V^1 menunjukkan pemberian dan pinjaman Persekutuan mengurangkan kuasa Kerajaan Negeri, manakala koefisien V^2 mewakili darjah kawalan Kerajaan Persekutuan terhadap pemberian dan pinjaman. Jadual 4.9 ini membuktikan bahawa hanya terdapat perbezaan yang kecil dalam dua koefisien (V^1 dan V^2) Negeri Johor dan Kedah.

Bagi Negeri Johor, kedua-dua nilai koefisien keseimbangan menegak menunjukkan tiga trend yang berbeza. Pada tahun 1995, nilai V^1 dan V^2 menunjukkan bahawa pengaruh Kerajaan Persekutuan menerusi pindahan adalah tinggi menyebabkan wujud keseimbangan antara tanggungjawab perbelanjaan dan hasil di peringkat Negeri. Keseimbangan ini sebenarnya lebih dipengaruhi oleh pinjaman Persekutuan yang banyak dibuat oleh Kerajaan Negeri (RM1148.12 juta) berbanding pemberian yang hanya sebanyak RM58.63 juta. Bagi tahun 1996-1999, keadaan berlaku sebaliknya. Sepanjang tempoh empat tahun ini, nilai koefisien V^1 dan V^2 menunjukkan darjah kawalan Kerajaan Persekutuan semakin merosot. Bermakna, pindahan Persekutuan kepada Negeri mula berkurangan dan keseimbangan menegak tidak tercapai. Ketidakseimbangan menegak pada dua tahun terakhir (2000-2001) pula adalah semakin besar memandangkan nilai-nilai koefisien semakin hampir kepada 0. Dalam tempoh ini, walaupun hasil dari sumber Kerajaan Negeri bertambah tetapi nilai pindahan yang semakin berkurangan menyebabkan defisit Negeri

meningkat. Keadaan ini secara tidak langsung membuktikan bahawa jurang fiskal menegak juga semakin membesar.

Anggaran koefisien Kedah pula menunjukkan bahawa pindahan Persekutuan masih belum mencapai keseimbangan menegak dari setahun ke setahun. Berdasarkan Jadual 4.8, nilai koefisien V^1 dan V^2 berada di antara 0.64 hingga 0.92 sepanjang tempoh tujuh tahun. Nilai koefisien ini menandakan bahawa pengaruh Kerajaan Persekutuan menerusi pindahan tidak mampu memperbetulkan ketidakseimbangan menegak di peringkat Kerajaan Negeri. Di Negeri Kedah, pergantungan Kerajaan Negeri terhadap pindahan Persekutuan sangat kuat walaupun sumbangannya lebih kecil daripada sumber hasilnya sendiri.

Secara purata, nilai koefisien keseimbangan menegak Johor (V^1 dan V^2) masing-masing dianggarkan 0.68 dan 0.62. Manakala nilai koefisien keseimbangan menegak Kedah secara purata pula dianggarkan 0.75 dan 0.84. Sepanjang tempoh tujuh tahun analisis ini, keseimbangan menegak di antara dua buah Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan masih belum tercapai. Dari satu sudut, kedua-dua buah negeri ini terus menanggung beban hutang yang banyak kesan aktiviti meminjam daripada Kerajaan Persekutuan. Sebaliknya, pemberian-pemberian yang diharapkan dapat meningkatkan hasil dan menampung perbelanjaan Kerajaan Negeri nyata tidak mampu memperbaiki ketidakseimbangan fiskal dari setahun ke setahun. Kajian Umikalsum (1991)

sebelum ini juga menunjukkan keadaan yang hampir serupa. Sekitar tahun 1971-1987, nilai koefisien bagi semua negeri di Malaysia menunjukkan nilai kurang daripada 1.

Perkongsian cukai juga merupakan kaedah popular yang sering digunakan oleh kebanyakan negara untuk mengatasi ketidakseimbangan menegak (Anwar Shah 1991; Umikalsum 1991; Ehtisham dan Craig 1997). Perkongsian cukai merupakan sumber hasil terpenting daripada cukai pendapatan, cukai nilai ditambah (VAT) dan lain-lain cukai penggunaan. Negara yang mengamalkannya termasuklah Jerman, Austria dan Switzerland. Di Austria, keseimbangan menegak diamalkan dengan memperuntukkan perkongsian cukai pendapatan sebanyak 57 peratus kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan di Switzerland pula memperuntukkan 30 peratus daripada cukai pendapatannya kepada Kerajaan Negeri, sementara Kerajaan Persekutuan Jerman mengagihkan cukai pendapatan individu 43 peratus, cukai pendapatan korporat 50 peratus, cukai perniagaan 20 peratus dan cukai nilai ditambah di antara 30 hingga 37 peratus kepada Kerajaan Negeri.

Dalam konteks Malaysia, Kerajaan Persekutuan tidak membentuk perkongsian cukai daripada hasil cukai pendapatan, cukai nilai ditambah (VAT) dan lain-lain cukai penggunaan kepada Kerajaan Negeri. Sebaliknya, cukai perkongsian yang ditetapkan dalam perlembagaan Malaysia hanya memperuntukkan perkongsian cukai 10 peratus ke atas eksport hasil galian

negeri seperti bijih timah, bijih besi dan galian lain. Di Malaysia, sumber ini memberi keistimewaan kepada negeri tertentu yang kaya dengan hasil galian seperti Sabah, Sarawak dan Terengganu, tetapi tidak kepada Johor dan Kedah.

4.5.3 Keseimbangan mendatar

Melalui prinsip ekuiti fiskal antara Kerajaan Negeri, Buchanan (1950) menyarankan dua tindakan yang perlu dilaksanakan. Pertama, mengenakan kadar cukai yang berbeza mengikut negeri. Negeri kaya akan mengenakan cukai yang lebih tinggi, manakala negeri yang mempunyai kapasiti fiskal rendah mengenakan cukai yang rendah. Kedua, membentuk pemberian penyamaan. Bagi Buchanan, negeri yang berpendapatan rendah mempunyai hak untuk menerima jumlah bantuan yang cukup bagi membolehkan rakyatnya menempatkan diri mereka dalam kedudukan fiskal yang sama dengan negeri lain.

Saranan Buchanan yang pertama tidak relevan dalam konteks pencukaian di Malaysia. Sistem pencukaian yang sedia ada di Malaysia khasnya cukai pendapatan bukan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri tetapi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.⁷ Kerajaan Negeri hanya bertanggungjawab mengutip hasil cukai seperti yang telah diperuntukkan dalam Jadual Kesepuluh Bahagian

⁷ Terdapat beberapa buah negara yang mengagihkan tugas mengutip cukai pendapatan kepada Kerajaan Negeri. Antara lain ialah negara industri seperti Kanada, Jerman, Spain dan Amerika Syarikat, manakala negara membangun adalah seperti Argentina dan Mexico.

Tiga dan Perkara 110(1) Perlembagaan Persekutuan meliputi hasil dari tanah, lombong dan hutan, lesen-lesen (selain dari lesen kenderaan yang digerakkan oleh jentera, pemasangan elektrik dan pendaftaran perniagaan), denda dan rampasan, duti hiburan dan lain-lain. Seperti yang dijelaskan dalam bab dua sebelum ini, agihan tugas pencukaian di Malaysia adalah selaras dengan matlamat peruntukan fungsi fiskal iaitu untuk mencapai fungsi agihan dan kestabilan.

Setakat ini, Pemberian Tujuan Khusus merupakan salah satu daripada usaha Kerajaan Persekutuan untuk membentuk ekuiti fiskal antara Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, peruntukan ini hanya menyumbang 6.87 peratus dan 6.06 peratus daripada keseluruhan hasil Johor dan Kedah. Kadar ini masih terlalu kecil untuk memperbaiki ketidakseimbangan mendatar. Dari satu aspek, peruntukan pindahan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan melalui pemberian ini berfungsi sebagai bantuan untuk mengurangkan sedikit defisit setiap negeri sahaja dan bukan disifatkan sebagai program penyamaan fiskal yang membolehkan negeri kurang maju mencapai status negeri maju. Malah Tan (1976) mendapati bahawa pemberian Kerajaan Persekutuan kepada negeri kaya adalah lebih banyak daripada negeri miskin seperti Kedah, Perlis, Terengganu dan Kelantan.

Malaysia mungkin boleh merujuk usaha mengurangkan ketidakseimbangan mendatar antara negeri di Brazil. Ketidakseimbangan

mendatar ini dilaksanakan melalui program penyamaan yang dikenali sebagai pembiayaan penyertaan Kerajaan Negeri atau FPE (*Fundo de Participação dos Estados*). Pengagihan pembiayaan ini ditetapkan oleh undang-undang berdasarkan koefisien setiap negeri. Koefisien ini kemudiannya ditentukan mengikut kriteria pengagihan semula daripada wilayah kaya kepada wilayah miskin (Utara, Timur Laut dan Barat Tengah). Menurut Anwar Shah (1991), ketidaksamaan keupayaan fiskal antara Kerajaan Negeri dapat diatasi oleh Kerajaan Persekutuan apabila 85 peratus daripada peruntukkan FPE diagihkan kepada tiga wilayah miskin ini.

Satu lagi pendekatan yang dilaksanakan untuk merapatkan ketidakseimbangan mendatar antara negeri adalah menerusi pelan-pelan rancangan negeri. Dalam konteks Negeri Kedah, Pelan Tindakan Maju 2010 yang meliputi tempoh 2001-2010 dirangka bagi merealisasikan matlamat pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan pesat untuk mengimbangi tahap pembangunan ekonomi negeri-negeri maju lain seperti Johor, Selangor, Pulau Pinang dan Melaka. Sehingga hari ini, prestasi KDNK per kapita negeri Kedah masih rendah daripada purata negara. Sebagai usaha untuk memperbetulkan ketidakseimbangan mendatar ini, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif seperti berusaha mencapai kadar pertumbuhan KDNK pada kadar 15 peratus setahun, menjalankan pembangunan fizikal yang seimbang di seluruh negeri, mengagihkan kekayaan negeri kepada semua golongan masyarakat secara adil dan membangunkan sumber manusia yang berpengetahuan tinggi. Di bawah

Pelan Tindakan Kedah Maju 2010 juga, tumpuan kepada sektor industri, ICT, pelancongan, pertanian dan prasarana diharap akan membolehkan Negeri Kedah bersaing dengan negeri maju lain.

4.6 PENEMUAN KAJIAN

Daripada analisis kuantitatif sebelum ini, terdapat beberapa trend penting yang telah dikenalpasti, antaranya:

- i. Berdasarkan indeks komposit pembangunan tahun 1995, Negeri Johor telah dikategorikan sebagai negeri lebih maju dengan nilai indeksnya lebih tinggi daripada purata semua negeri iaitu 1.1 mata berbanding 1.0 mata. Sebaliknya, Negeri Kedah pula masih dikelaskan sebagai negeri kurang maju kerana kedudukan indeksnya hanya mencatat 0.9 mata iaitu di bawah purata semua negeri.
- ii. Hasil yang dikutip daripada punca Negeri Johor adalah lebih tinggi daripada hasil Negeri Kedah. Nisbah ketidaksamaan hasil antara Johor dan Kedah dianggarkan sebanyak 1:2.42.
- iii. Hasil utama kedua-dua buah negeri ini disumbangkan oleh hasil cukai. Dalam hasil cukai, cukai langsung merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan Negeri Johor meliputi sumber tanah dan hutan. Sebaliknya, cukai tidak langsung merupakan penyumbang terbesar pendapatan Negeri Kedah meliputi duti hiburan dan royalti pengeluaran bahan hutan.

- iv. Dalam tempoh tujuh tahun, kemerosotan hasil Negeri Johor banyak dipengaruhi oleh penyusutan kadar kutipan cukai langsung dan hasil bukan cukai, sebaliknya kemerosotan hasil Negeri Kedah lebih dipengaruhi oleh penyusutan kadar kutipan cukai tidak langsung dan penerimaan bukan hasil.
- v. Perbelanjaan awam Negeri Johor mengatasi perbelanjaan yang dibuat oleh Negeri Kedah iaitu dengan nisbah ketidaksamaan 1:1.99.
- vi. Perbelanjaan awam paling banyak dilakukan oleh kedua-dua buah negeri ini adalah perbelanjaan mengurus meliputi emolumen, bayaran pindahan, bayaran hutang kerajaan, belanja perkhidmatan dan bekalan, belanja harta modal serta belanja mengurus lain.
- vii. Selepas kemelesetan ekonomi, perbelanjaan Negeri Johor mula ditumpukan kepada perbelanjaan pembangunan. Sebaliknya, Negeri Kedah terus menumpukan aktiviti perbelanjaan mengurus berbanding belanja pembangunan. Kurangnya tumpuan perbelanjaan pembangunan sehingga -27.09 peratus menyebabkan projek pembangunan di Negeri Kedah kurang pesat sepanjang tempoh tujuh tahun tersebut.
- viii. Defisit atau kurangan dalam bajet Negeri Johor adalah lebih besar daripada defisit Negeri Kedah. Nisbah ketidaksamaan defisit antara Johor dan Kedah dianggarkan sebanyak 1:1.52.
- ix. Bagi membantu Kerajaan-Kerajaan Negeri menangani bajet defisit ini, pemberian diperuntukan oleh Kerajaan Persekutuan menerusi pindahan fiskal. Pemberian yang diterima oleh Negeri Johor dalam tempoh tujuh

tahun adalah sebanyak RM679.80 juta mengatasi pemberian yang diterima oleh Kedah iaitu sebanyak RM368.06 juta. Daripada angka ini, nisbah ketidaksamaan pemberian yang diterima antara Negeri Johor dan Kedah adalah 1:1.85.

- x. Negeri Johor dan Kedah juga mendapat pindahan daripada Kerajaan Persekutuan menerusi pinjaman. Pinjaman Johor adalah jauh lebih banyak daripada pinjaman yang dibuat oleh Negeri Kedah iaitu RM7194.19 juta mengatasi RM222.36 juta yang mana anggaran nisbah ketidaksamaan adalah sebanyak 1:32.4.
- xi. Nilai koefisien keseimbangan menegak Johor dan Kedah secara purata mencatat nilai kurang daripada 1 (antara 0.62 hingga 0.84) sepanjang tempoh analisis. Bermakna, keseimbangan menegak belum tercapai sepenuhnya walaupun pindahan daripada Kerajaan Persekutuan khasnya Pemberian Tujuan Umum telah diperuntukkan kepada setiap negeri.
- xii. Ketidakseimbangan fiskal secara mendatar antara Johor dengan Kedah juga belum dapat ditangani walaupun Pemberian Tujuan Khusus telah disalurkan untuk membentuk ekuiti fiskal antara negeri.
- xiii. Dengan nisbah ketidaksamaan Pemberian Tujuan Khusus antara Johor dengan Kedah sebanyak 1:2.6, ia membuktikan bahawa pemberian ini tidak berfungsi sebagai pemberian penyamaan. Malah pemberian yang diterima oleh Negeri Kedah jauh lebih sedikit daripada pemberian yang diterima oleh Negeri Johor.

- xiv. Ketidakseimbangan mendatar antara negeri cuba diatasi dengan melaksanakan pelan-pelan rancangan negeri. Negeri Kedah telah mensasarkan Pelan Tindakan Kedah Maju 2010 untuk mencapai status negeri maju seterusnya kompetitif dengan negeri maju lain.

4.7 KESIMPULAN

Dapat disimpulkan bahawa Negeri Johor mencatat angka yang lebih tinggi daripada Negeri Kedah dalam semua aspek fiskal. Selain menyaksikan kutipan hasil yang banyak oleh Johor, negeri ini turut merekodkan angka yang tinggi dalam aktiviti perbelanjaan dan bajet defisit. Oleh itu, bukan sesuatu yang menghairankan jika negeri ini menerima pindahan yang lebih banyak daripada Kerajaan Persekutuan. Namun, pindahan yang diterima masih tidak dapat menampung defisit negeri. Keadaan ini menyebabkan Kerajaan Negeri membuat pinjaman yang banyak daripada Kerajaan Persekutuan. Sungguhpun kedudukan fiskal Negeri Johor sentiasa berada dalam keadaan defisit dan hutang negeri semakin melebar, negeri ini masih dapat menikmati pertumbuhan dalam KDNK per kapita negeri.

Bagi Negeri Kedah pula, kurangnya aktiviti pembangunan menyebabkan negeri ini masih kekal dengan status negeri kurang maju. Kebimbangan terhadap kedudukan hutang negeri dan kesan kebuntuan untuk mendapatkan hasil lain daripada sumber yang sedia ada menyebabkan Kerajaan Negeri

terpaksa berkira-kira untuk membuat sesuatu perbelanjaan. Keadaan menjadi lebih sukar apabila pemberian Persekutuan yang diperuntukkan mengikut formula hanya membolehkan negeri ini menerima pindahan Persekutuan dalam jumlah yang sedikit (contohnya Pemberian Pertambahan Hasil dan Pemberian Pembangunan Ekonomi diperuntukkan mengikut KDNK per kapita Negeri dan pencapaian tingkat sosio-ekonomi negeri).

Sebagai sebuah kerajaan yang optimal, perbelanjaan awam meliputi perbelanjaan pembangunan perlu dilaksanakan walaupun bajet negeri bakal berdepan dengan defisit. Dari satu sudut, kedudukan defisit tidak semestinya mendatangkan kesan yang tidak baik kepada ekonomi negeri. Walaupun perbelanjaan ini melibatkan modal yang besar dan memberi implikasi ke atas aliran kos, tetapi Kerajaan Negeri perlu bijak untuk memastikan projek-projek pembangunan yang dilaksanakan mempunyai faedah pulangan jangka panjang. Bagi Keynes, penekanan terhadap belanja pembangunan perlu kerana alat fiskal ini sangat mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negeri (Md. Zyadi 1995).